

Refleksi Penyataan Psikologi Abnormal dalam Cerpun-cerpun Remaja

MIOR MUHAMMAD SAIFUL NIZAN MUHD SAALI, NIK RAFIDAH NIK
MUHAMAD AFFENDI & ARBA'IE SUJUD

ABSTRAK

Makalah ini akan mengemukakan kekerapan atau kecenderungan penyataan psikologi abnormal yang dicerminkan oleh pengarang sastera remaja dan punca teretusnya keabnormalan manusia. Zaman remaja merupakan zaman transisi dari alam kanak-kanak kepada alam dewasa. Menurut Kohlbergh dan Gilligan peringkat zaman remaja dikatakan suatu tempoh 'kemuncak keemosian'. Pendapat ini sesuai dengan Stanley Hall yang mengatakan zaman remaja sebagai zaman 'storm and stress'. Huru-hara yang berlaku pada zaman ini katanya adalah hasil daripada perubahan-perubahan horman dan fizikal yang dialami oleh remaja yang kemudiannya menghasilkan tekanan-tekanan emosi dan konflik psikologi. Lantaran itu, fenomena dunia remaja tersebut banyak dirakamkan oleh pengarang karya sastera remaja. Pelbagai tingkah laku remaja dicerminkan baik positif mahupun negatif. Ekoran gagal mengawal diri maka lahirlah pelbagai penyataan psikologi abnormal.

Kata kunci: penyataan, teori psikologi abnormal, kecelaruan kelakuan, cerpun remaja

ABSTRACT

This paper will present the frequency or abnormal psychological tendency that is reflected in statements by the authors of adolescent literature and the causes of human congenital abnormalities. Adolescence is a period of transition from childhood to adulthood. According Kohlbergh and Gilligan adolescence is a period of 'peak emotions' This view is in accordance with Stanley Hall who said teenage years as the time of 'storm and stress'. The chaos that occurred during this period was the result of the changes in physical horman experienced by teenagers who then produce emotional pressures and psychological conflict. Thus, this phenomenon of the youth in the world recorded by the author of many literary youth, reflected a variety of behaviours both positive and negative. Failure to control themselves resulted in many expressions of abnormal psychology.

Key words: expressions, abnormal psychological theory, disorder in behaviour, teenage short stories

PENDAHULUAN

Keluh resah dalam meniti dunia remaja digambarkan dengan realistik oleh pengarang cerpen-cerpen remaja. Sebagai sebuah cerita rekaan tentunya cerpen bukanlah sesuatu yang benar-benar berlaku tetapi bukan juga sesuatu yang khayalan semata-mata. Cerita yang disampaikan juga bukanlah seratus peratus fakta, sebaliknya gabungan antara fakta dengan imaginasi yang wujud dalam fikiran pengarang. Justeru, peristiwa atau hal yang benar-benar terjadi akan dijadikan aset atau bahan mentah penghasilan atau olahan sebuah cereka. Adunan fakta sebenar dengan daya imaginasi pengarang dengan memasukkan unsur-unsur emosi dan gugah rasa pencipta memberi kesan emotif kepada khalayak pembaca. Dalam hal ini dapat dilihat pelbagai reaksi perilaku remaja disampaikan secara realistik. Selain itu, dikatakan juga sebagai sebuah cerita pendek adalah karangan yang melukiskan suatu segi atau aspek yang paling indah dalam suatu kejadian secara seni sastera yang paling indah dan singkat sehingga dapat memberikan kepuasan yang sepenuh kepada pembacanya. Dengan demikian, dapat dikesani dalam sesebuah cerita itu asasnya sesuatu yang biasa namun dengan adunan dan komplikasi sumber yang semaksimum menjadikan hasil karya itu hidup dan menyentuh daya rasa pembacanya. Secara umumnya dalam cerpen-cerpen remaja bukan sahaja menggambarkan akan pelbagai perlakuan remaja sama ada positif mahupun negatif tetapi juga watak-watak lain yang mengelilingi dunia remaja. Walau bagaimanapun, secara dominannya dalam cerpen-cerpen remaja biasanya dikaitkan dengan keluh resah jiwa remaja yang selari dengan pandangan ahli-ahli psikologi perkembangan yang mengatakan zaman remaja merupakan puncak keemosian. Fenomena yang bertentangan dengan adat dan agama tersebut dikatakan perlakuan abnormal yang dapat dilihat melalui kata-kata yang secara langsungnya menggambarkan psikologi abnormal tersebut.

REFLEKSI PENYATAAN PSIKOLOGI ABNORMAL DALAM CERPEN-CERPEN REMAJA

Penyataan psikologi abnormal pada umumnya merupakan perbuatan yang menyatakan sesuatu atau melahirkan tentang makna keabnormal iaitu tingkah laku bilazim. Justeru, dalam cerpen-cerpen remaja terpilih dapat dikesan beberapa pernyataan psikologi abnormal yang berhubung dengan kecelaruan kelakuan agresif. Fenomena tersebut jelas tergambar dalam

cerpen-cerpen remaja seperti cerpen 'Perjalanan Jarum' karya Tung Wai Chee (1998), 'Selamat Tinggal' karya Adrian Wong Yew Chong (1998), 'Bukan Gurauan Cuma' karya Serinah Japar (1998), 'Tidak Semudah Itu' karya Noorulazuaty Ahmad (1998), 'Gejolak Jiwa' karya Jeffrey Jaidin (1998) dan 'Semangat Fansuri' karya Siti Zarina Md. Israri (1998). Keabnormalan dapat didefinisikan sebagai sesuatu perbuatan yang telah menyalahi norma masyarakat. Setiap masyarakat mempunyai garis peraturan tersendiri dalam kehidupan berkelompok. Sesuatu yang menyalahi aturan atau penggarisan tersebut dianggap abnormal. Selain itu, keabnormalan juga membawa makna perlakuan yang melanggar perjalanan hidup seharian seperti bermuram, murung yang keterlaluan, bertindak di luar batas kemanusiaan dan sebagainya. Sebagai rumusannya keabnormalan ialah perlakuan yang terkeluar daripada norma-norma kehidupan seperti yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, dalam kertas kerja ini hanya kecelaruan tingkahlaku agresif sahaja dibincangkan.

KECELARUAN KELAKUAN

Kecelaruan kelakuan merupakan perbuatan yang bertentangan dengan kebiasaan manusia yang normal dan terkandung dalam satu garis panduan sistem klasifikasi untuk tingkahlaku abnormal. Pada tahun 1952, Persatuan Psikiatri Amerika, *American Psychiatric Association* (APA) mengeluarkan satu garis panduan sistem klasifikasi untuk tingkah laku abnormal. Sistem ini dikenali sebagai '*Diagnostic and Statistical Manual of Disorders*' atau nama ringkasnya DSM (Mahmood Nazar Mohamad 2001:373).

Kecelaruan yang ketara dapat dikesan dalam cerpen-cerpen yang dikaji ialah kecelaruan kelakuan seperti tindakan agresif. Kecelaruan kelakuan tersebut dapat dilihat dalam cerpen 'Perjalanan Jarum Jam' karya Tung Wai Chee (1998). Dalam cerpen tersebut digambarkan dengan jelas penyataan psikologi abnormal iaitu kecelaruan kelakuan melalui peristiwa bagaimana layanan seorang kakak kepada adiknya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah.

"Tak guna betul. Orang kata buat kopi, dia buat teh,"

Herdik Chai Ping. Perut adiknya dicubit.

"Serbut kopi dah habis, kak."

"Dah habis, beli lagi."

"Duitnya?" Mengeletar kaki Pei Lin.

"Kau sendiri kan ada. Asyik nak kebas duit orang."

Bahu Pei Lin digoncang

... “Jangan, kak! Pei Lin nak bersama-sama dengan kak.” Kaki Chai Ping dirangkul Pei Lin.

“Pergilah! Pergi!”

Pei Lin diterajang

(*Perjalanan Jarum Jam* 1998:110)

Berdasarkan petikan di atas Chai Ping tidak melayan adiknya dengan baik, malah Pei Lin dikasari. Tindakan abnormal Chai Ping dapat dilihat melalui pernyataan seperti **‘Pei Lin diterajang, Bahu Pei Lin digoncang’** dan **“Tak guna betul. Orang kata buat kopi, dia buat teh,” Herdik Chai Ping. Perut adiknya dicubit.** Seorang kakak sewajarnya melindungi seorang adik tetapi yang berlaku sebaliknya. Perbuatan Chai Ping ini ditegur oleh Eva. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah.

“Dia tak buat salah langsung. Mengapa melayan dia seperti hamba abdi? Dia adik engkau. Juga seorang manusia. Hargailah dia selagi terdaya. Kau tak punya sesiapa lagi selain dia.”

(*Perjalanan Jarum Jam* 1998:110)

Namun, teguran Eva menimbulkan kemarahan Chai Ping. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah.

“Diamlah! Aku tak sudi dengar ceramah kau. Ambillah dia sebagai adik, kau suka sangat dengan dia. Aku tak kisah.”

(*Perjalanan Jarum Jam* 1998:110)

Berdasarkan petikan di atas, Chai Ping sudah tidak dapat berfikir secara rasional lagi. Dia tidak mampu membuat pertimbangan akal. Dalam hal inilah Kohlbergh dan Giligan pula melihat peringkat remaja sekurang-kurangnya sebagai suatu tempoh kemuncak keemosian (White & Speisman 1987: 3). Pendapat ini bersesuaian dengan pendapat Stanley Hall yang mengatakan zaman remaja sebagai zaman ‘storm and stress’. Huru-hara yang berlaku pada zaman ini katanya adalah hasil daripada perubahan-perubahan hormon dan fizikal yang dialami oleh remaja yang kemudiannya menghasilkan tekanan-tekanan emosi dan konflik psikologi (Jas Laile Suzana Jaafar 2000: 202).

Seterusnya, kecelaruan tingkah laku pula dapat dikesan dalam cerpen “Selamat Tinggal” karya Adrian Wong Yew Chong (1998) melalui watak Adrian. Adrian tidak dapat menerima hakikat kematian Miriya lantas beliau bertindak di luar kawalan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah.


Dengan tiba-tiba, tumbukan padu yang bertubi-tubi dilancarkan pada dinding itu. Hati yang terluka menyebabkan kesakitan yang dialami pada buku-buku lima tidak dapat dirasai.

Dinding yang menjadi sasaran diperciki darah. Dua orang jururawat di dalam wad menjerit meminta pertolongan apabila gagal menghalangku daripada terus mencederakan diriku.

Dengan segera, doktor menyuntik aku dengan ubat pelali. Kedua-dua buku limaku dibalut dengan kain kasa menghentikan pendarahan. Keadaan sekeliling mula menjadi kabur...

(*Selamat Tinggal* 1998: 178)

Adrian tidak dapat menahan kesedihannya, lantas tercetusnya kecelaruan tingkah laku seperti yang digambarkan dalam petikan di atas. Pernyataan psikologi abnormal tersebut dapat dilihat dengan jelas dalam ayat seperti '**Dengan tiba-tiba, tumbukan padu yang bertubi-tubi dilancarkan pada dinding itu**'. Kesan daripada tindakan tersebut maka dapat dilihat '**Dinding yang menjadi sasaran diperciki darah**'. Keagresifan ini merupakan satu cara manusia melepaskan emosinya dan boleh juga dikatakan bahawa apabila beraksi agresif manusia dapat memenuhkan kepuasan sesuatu perasaan itu buat sementara waktu. Peristiwa yang dinyatakan di atas, boleh dikaitkan dengan kekecewaan-keagresifan. Secara ringkasnya, menurut teori ini tingkah laku agresif adalah satu tindak balas yang tercetus akibat daripada kekecewaan terhadap sesuatu. Hal tersebut dapat diterangkan melalui Rajah 1.



Rajah 1. Teori kekecewaan-keagresifan

Seterusnya dalam cerpen 'Bukan Gurauan Cuma' karya Serinah Japar (1998) dapat dilihat perlakuan agresif yang tercetus dalam kalangan remaja. Pada peringkat awalnya mereka bertikam lidah, akhirnya apabila masing-masing tidak dapat mengawal emosi maka berlakulah pergelutan antara mereka.

“Awak mengata saya ulat buku, wahai Encik Ikram! Terima kasih kerana memartabatkan saya ulat buku; dan awak tak malukah yang awak tu ulat bulu. Dah mula naik daun...gatal!”

“Apa! Yang dikategorikan sebagai spesies ulat buku...ni yang sensitive.”

“Minta maaf, Encik Amir! Mulut awak yang suka membebel tu sila remote, control, Internet, Astro...Nanti kena buku lima kau ni, lebih asyik daripada buku yang awak baca tu!?” ujar Ikram menuju ke arah Amir lalu menolak dadanya. Amir pun membalas. Dia pantang diperbudak seperti itu.

Maka terjadilah pergelutan. Amir dan Ikram sudah terkenal seperti Hang Tuah dan Hang Jebat dalam siri “Along” di TV. Pelajar-pelajar lain pula tidak ada tanggungjawab untuk meleraikan pergaduhan, malah mereka mengapi-apikan lagi.

(Bukan Gurauan Cuma 1998:126)

Berdasarkan petikan di atas pernyataan psikologi abnormal yang dapat dikesan ialah **‘Nanti kena buku lima kau ni, lebih asyik daripada buku yang awak baca tu!’ ujar Ikram menuju ke arah Amir lalu menolak dadanya’**. Perbuatan Ikram menolak dada Amir merupakan suatu perbuatan yang agresif. Perbuatan tersebut telah melanggar norma sebagai seorang pelajar. Malah ekoran daripada perbuatan itu tercetus pergelutan yang lebih hebat lagi seperti **Maka terjadilah pergelutan. Amir dan Ikram sudah terkenal seperti Hang Tuah dan Hang Jebat dalam siri “Along” di TV.**

Dalam satu peristiwa yang lain pernyataan psikologi abnormal dapat dikesan pada halaman 128 melalui pengakuan Amir kepada gurunya Cikgu Rahim seperti **“Terus terang saya katakan kepada cikgu, sebelum ini saya pernah digantung sekolah gara-gara memiliki pil Ecstasy..”** Amir bertindak sedemikian sebenarnya untuk menarik perhatian ibu bapanya yang terlalu sibuk. Pada dasarnya Amir kecewa akan sikap kedua ibu bapanya, dalam melalui usia remaja dia memerlukan perhatian, kasih sayang, jaminan keselamatan dan penghargaan sendiri daripada orang yang terapat dengannya. Namun matlamat atau keinginan tersebut tidak dapat diperolehinya. Halangan untuk mencapai keinginan tersebut maka lahirlah tingkah laku sedemikian

Dalam cerpen ‘Tidak Semudah Itu’ karya Noorulazuaty Ahmad (1998) memaparkan sikap agresif Mira yang menyepak-nyepak daun mengkuang sehingga kakinya berdarah kerana tidak dapat menahan marah terhadap sepupunya Azam. Hal tersebut dapat dilihat dalam petikan di bawah.

“Jangan, Mira! Nanti luka kaki kau. Cacatlah kaki kau yang putih tu!” usik Azam.

Aku terus menyepak-nyepak daun mengkuang. Aku tidak dapat menahan marah.

“Peduli apa. Kaki aku yang nak luka, bukan kaki kau!” Sebelum ini, aku tidak pernah berlembut dengan lelaki itu. Aku sering memarahinya walaupun dia tidak bersalah. Tetapi dia tidak pernah berkecil hati, malah sentiasa menghormati aku.

“Argh! Aduh!” Darah mula mengalir. Kakiku luka terkena duri mengkuang.

(Tidak Semudah Itu 1998: 201)

Berdasarkan pernyataan di atas pernyataan psikologi abnormal dapat dikesan melalui pernyataan **Aku terus menyepak-nyepak daun mengkuang. Aku tidak dapat menahan marah. “Peduli apa. Kaki aku yang nak luka, bukan kaki kau!”** Sebelum ini, aku tidak pernah berlembut dengan lelaki itu dan **“Argh!Aduh! Darah mula mengalir. Kakiku luka terkena duri mengkuang.** Tindakan agresif Mira akhirnya membawa kemudaratan kepada dirinya sendiri. Dalam keadaan yang marah, Mira gagal membuat pertimbangan apa yang sedang dilakukannya.

Dalam suatu peristiwa lain pula digambarkan Mira juga tidak dapat mengawal perasaan apabila bertindak mencekak kolar kemeja Azam apabila beliau tidak dapat menerima kata-kata Azam. Tindakan abnormal tersebut dapat dilihat melalui pernyataan **‘sepintas kilat aku mencekak kolar kemejanya’**. Peristiwa tersebut dapat dikesan melalui petikan di bawah.

...Aku kesiankan kau. Kau bukan ada peminat, dan pemuda di sini pun tak terpicik dengan kau. Perangai macam tomboy.”

Azam tidak sempat meneruskan kata-katanya kerana sepintas kilat aku mencekak kolar kemejanya.

(Tidak Semudah Itu 1998:207)

Selain daripada Mira, Azam juga digambarkan oleh pengarang tidak dapat mengawal emosi pada suatu ketika. Hal tersebut dipengaruhi oleh perasaan cemburu. Azam pernah bersikap biadap terhadap Cikgu Hasram ketika Cikgu Hasram membantu mengelap darah di kaki Mira. Azam bersikap biadap dan agak ganas dan dapat dilihat melalui pernyataan seperti **‘Tiba-tiba Azam datang dan menepis tangan Cikgu Hasram’**. Peristiwa tersebut digambarkan dengan jelas oleh pengarang dalam petikan di bawah.

Tiba-tiba Azam datang dan menepis tangan Cikgu Hasram. Dia memaksa aku berjalan hingga ke motosikalnya. Sebelum beredar, dia sempat berkata kepada Cikgu Hasram, "Cikgu tidak berhak menyentuh dia... Faham!"

(Tidak Semudah Itu 1998:205)

Sebagai seorang murid, kelakuan Azam jelas kelihatan biadap, disebabkan cemburu Azam tidak dapat mengawal emosinya lantas tercetusnya perilaku di luar penggarisannya sebagai seorang pelajar yang sewajarnya menghormati seorang guru. Tindakan Cikgu Hasram tersebut sekadar menunaikan tanggungjawabnya membantu pelajarnya yang kecederaan pada sesi latihannya pada ketika itu. Lantaran itu, kebijaksanaan akal penting dalam menangani emosi marah. Dalam hal ini, Mohd Nasir Omar (1986:85) mengatakan iman adalah teras kepada semua jenis amalan dalam Islam. Islam bukan sahaja agama yang mendasarkan aspek spritualnya kepada keimanan tetapi juga sistem-sistem sosial, politik, dan moral. Dari perspektif etika, keimanan memainkan peranan penting dalam membina konsep, pandangan, sikap, gaya berfikir dan sistem tindakan seseorang individu dalam hidupnya.

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, dalam cerpen-cerpen remaja keagresifan tingkah laku bukan hanya berlaku pada watak-watak remaja tetapi juga kepada watak-watak yang berada di sekeliling remaja. Contoh dapat dilihat dalam cerpen 'Gejolak Jiwa' karya Jeffrey Jaidin (1998) dan cerpen 'Semangat Fansuri' karya Siti Zarina Md. Israri (1998). Dalam cerpen 'Gejolak Jiwa' karya Jeffrey Jaidin dapat dilihat pernyataan psikologi abnormal tersebut melalui beberapa peristiwa seperti tindakan ayah yang tidak membenarkan Azmi masuk ke rumah mereka, kerana tidak dapat menahan kemarahan ayah menghempaskan akhbar ke meja sehingga air kopi tertumpah membasahi akhbar lantas menghalau Azmi kemudiannya menendang kucing yang berada di situ tanpa sebab kerana terlalu marahkan Azmi yang pernah belot kepadanya datang ke rumah mereka. Hal tersebut dapat dilihat dalam petikan di bawah.

"Jangan buka pintu tu Mizan!" Suara garau ayah mematikan langkah abang. Abang menoleh ke arah ayah. Mata ayah tetap pada abjad-abjad di akhbar, makin serius wajahnya.

"Biar dia masuk, ayahnya. Sejuk di luar tu."

Abang tetap tidak berani mengorak langkah walaupun suara emak seolah-olah merayu.

"Jangan, aku kata!"

Kakak kembali menatap kertas yang ditulisnya, tidak berani menatap wajah ayah.

Ayah berdiri menghempaskan akhbar ke meja. Tumpahan air kopi membasahi akhbar. Kerusi malas ayah terayun cepat. Tidak dipedulikan, pasti kemarahan ayah terhadap Azmi sudah lama dipendamnya.

“Pergi balik, Azmi! Pergi balik!” Bicara ayah semakin lantang. Mengejutkan adik yang sedang lena.

“Miau!!!” saya menjerit. Ayah menendang saya tanpa sebab....

(*Gejolak Jiwa* 1998:136)

Penyataan psikologi abnormal seperti kecelaruan tingkah laku jelas dapat dilihat dalam petikan di atas seperti menghalau tetamu dari rumah, sedangkan mengikut adat timur tetamu mestilah dihormati. Peristiwa tersebut telah melanggar norma-norma yang terdapat dalam hubungan sosial masyarakat Melayu. Hal tersebut jelas dapat dilihat dalam penyataan seperti **“Pergi balik, Azmi ! Pergi balik !” Bicara ayah semakin lantang. Mengejutkan adik yang sedang lena.** Oleh kerana terlalu marah, ayah juga berkelakuan abnormal, tanpa sebab dia telah menyepak seekor kucing yang berhampiran dengannya. Malah tidak lama selepas itu kelakuan ayah lebih agresif. Ini dapat dilihat melalui penyataan **‘senapang patah dua laras diacukan ke arah Azmi’.**

Penyataan psikologi abnormal itu jelas dapat dilihat dalam ayat seperti **“Miau!!!” saya menjerit. Ayah menendang saya tanpa sebab.** Malah sebelum peristiwa tersebut iaitu pada peringkat awal lagi ayah sudah menunjukkan perlakuan abnormal iaitu apabila dia tidak mampu mengawal perasaan marahnya terhadap Azmi. Ayah menghempaskan akhbar ke meja sehingga tumpahan air kopi membasahi akhbar. Penyataan tersebut dengan jelas dapat dilihat dalam penyataan seperti **‘Ayah berdiri menghempaskan akhbar ke meja. Tumpahan air kopi membasahi akhbar. Kerusi malas ayah terayun cepat’.** Justeru, kucing yang tidak bersalah menjadi mangsanya.

Berdasarkan kepada peristiwa-peristiwa di atas jelas menunjukkan keabnormalan watak ayah dalam menghadapi musuhnya. Oleh kerana terlalu marah akan Azmi yang mengkhianatinya suatu ketika dahulu, ayah tidak dapat menahan marahnya lantas tercetuslah perlakuan-perlakuan yang merentasi norma masyarakat. Lantaran itu menurut Imam Al-Ghazali (1979:21) apabila marah menguasai diri maka lahirlah perbuatan di luar kawalan seperti permusuhan dan kebencian sebagaimana digambarkan dalam cerpen tersebut.

Keabnormalan manusia juga dapat dikesan dalam cerpen ‘Semangat Fansuri’ karya Siti Zarina Md. Israriy (1998). Tindakan agresif seorang ayah menyebabkan anaknya tercedera. Hal ini dapat dilihat dalam petikan di bawah.


IPOH, 13 OGOS- Pihak polis hari ini menahan seorang lelaki yang dipercayai melakukan cubaan mencederakan anak perempuannya selepas berlaku suatu pertengkaran.

Menurut jurucakap polis, lelaki yang bernama Lau Kok Cheng 52 tahun, dikatakan tidak dapat menahan kemarahannya lalu cuba mencederakan anak perempuannya yang bernama Lau Yin Peng@ Najwa Lau Abdullah. Menurut jurucakap polis lagi, mangsa amukan tersebut ialah seorang guru yang mengajar di salah sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur.

(*Semangat Fansuri* 1998:121)

Penyataan psikologi abnormal dapat dilihat melalui penyataan seperti ‘**lelaki yang bernama Lau Kok Cheng 52 tahun, dikatakan tidak dapat menahan kemarahannya lalu cuba mencederakan anak perempuannya yang bernama Lau Yin Peng@ Najwa Lau Abdullah**’. Tindakan Lau Kok Cheng yang melampau disebabkan oleh kegagalannya mengawal emosi.

Berdasarkan kepada peristiwa-peristiwa agresif dalam cerpen-cerpen yang dikaji jelas menunjukkan bahawa tindakan rata-rata watak dalam cerpen tersebut gagal mengawal emosi. Faktor persekitaran juga membawa kepada perlakuan atau peristiwa yang negatif. Dalam hal ini



Rajah 2. Pandangan perspektif humanisme mengenai tingkah laku bilazim

Sumber: Mahmood Nazar Mohamed 2001:377

pengkaji merumuskan bahawa masalah jiwa atau kecelaruan tingkah laku agresif watak-watak yang dikaji wujud akibat halangan yang dihadapi oleh mereka dalam usaha untuk mencapai makna hidup atau yang sering disebut-sebutkan oleh Maslow (1943:388-389) ialah kesempurnaan hidup. Hal ini dapat diterangkan berdasarkan Rajah 2.

Berdasarkan huraian-huraian di atas kekerapan penyataan psikologi abnormal yang dominan dapat dikesan dalam cerpen-cerpen remaja seperti berikut.

Jadual 1. Kekerapan gambaran kecelaruan kelakuan agresif dalam cerpen-cerpen remaja pilihan

Bil.	Nama Pengarang	Judul	Kekerapan
1.	Tung Wai Chee	'Perjalanan Jarum Jam'	3
2.	Adrian Wong Yew Chang	'Selamat Tinggal'	1
3.	Serinah Japar	'Bukan Gurauan Cuma'	3
4.	Noorulazuaty Ahmad	'Tidak Semudah Itu'	3
5.	Jeffrey Jaidin	'Gejolak Jiwa'	3
6.	Siti Zarina Md. Israny	'Semangat Fansuri'	1
Jumlah Keseluruhan			14

Berdasarkan kepada penelitian, terdapat faktor-faktor yang dominan dapat dikesan yang mencetuskan kecelaruan tingkahlaku agresif seperti inginkan perhatian keluarga, tidak dapat menerima kenyataan hidup dan kekacauan emosi.

RUMUSAN

Rata-rata golongan remaja inginkan perhatian dan kasih sayang. Mereka ini menyayangi dan disayangi. Selain itu, mereka juga perlukan jaminan keselamatan dan penghargaan sendiri dalam menyelusuri arus kehidupan. Kegagalan memenuhi keperluan tersebut, mudah bagi mereka untuk terjerumus ke arah tingkah laku agresif. Walau bagaimanapun, bukan sahaja remaja yang ingin keperluan-keperluan tersebut, orang dewasa juga perlukan elemen-elemen tersebut dalam kehidupan mereka. Misalnya tindakan agresif ayah dalam cerpen 'Gejolak Jiwa' karya Jeffrey Jaidin (1998) kerana merasakan dirinya tidak dihargai selama ini malah dikhianati. Dapatan kajian menunjukkan dalam cerpen-cerpen remaja bukan sahaja penumpuan kepada watak-watak remaja malah watak-watak lain yang mengelilingi dunia remaja. Walau bagaimanapun, secara dominannya

dalam cerpen-cerpen remaja biasanya dikaitkan dengan keluh resah jiwa remaja yang selari dengan pandangan ahli-ahli psikologi perkembangan yang mengatakan zaman remaja merupakan puncak keemosian.

RUJUKAN

- Davison, G.C., Neale, J.M. & Kring, A.M. 2006. *Psikologi Abnormal*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakub. 1997. *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamidah Abdul Hamid. 1995. *Pengantar Estetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Alias & Adnan Abd Jamil. (Pnty.). 1998. *Antologi Puisi dan Cerpen Remaja Perjalanan Jarum Jam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Imam al-Ghazali, 1979. *Bimbingan Mu'minin: Pada Mencari Redha Rabbil-Alamin*, Jil. 1, cetakan kedua, terjemahan Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.
- Jas Laile Suzana Jaafar. 2000. *Psikologi Perkembangan: Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Nazar Mohamed. 2001. *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslow, A. H. 1943. A theory of human motivation. *Psychology Review*, July.
- Mohd. Nasir Omar. 1986. *Falsafah Etika Perbandingan Pendekatan Islam dan Barat*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- White, K.M. & Speisman, J.C. 1987. *Remaja*. Terj. Maznah Ismail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mior Muhammad Saiful Nizan Muhd Saali
Pelajar Sarjana Kesusasteraan Melayu
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA
E-mail: mior87.upm@gmail.com

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Ph.D.
Pensyarah Kanan
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA

Arba'ie Sujud, Ph.D.
Profesor Madya
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA